

PERSEPSI BELIA MUSLIM TERHADAP MASAKAN ORANG BUKAN ISLAM DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

The Perception of Muslim Youth towards the Cuisine of Non-Muslims in the Federal
Territory of Kuala Lumpur

PUTERI BALQIS BINTI HASANI

Universiti Selangor

puteribalqishasani@gmail.com

NUR FATIN NABILAH BINTI SHAHROM*

Universiti Selangor

nurfatin@unisel.edu.my

Abstract

Engaging in marketing or business has given a boost to companies' commitment to some production of halal food products. The development of the Malaysian halal industry, which has successfully penetrated the global market, especially in the halal food sector, has advanced Malaysia's name by making it a respected and organised country. It also makes Malaysia a preferred destination for developing businesses related to halal goods and services. Many misconceptions occur in the definition of halal and illegal products or foods produced by non-Islamic people. The study was conducted to analyse the knowledge of Muslim youth about halal food and the status of halal food provided by non-Islamic people from a fiqh perspective, as well as the knowledge level of Muslim youth on halal food. This survey study uses a mixed quantitative and qualitative approach. The survey involved 253 respondents among Muslim youths in several districts of Kuala Lumpur who answered questionnaires. The data is analysed using SPSS 27 software. The study's results found that the knowledge of concepts showed that most Muslim youths in Kuala Lumpur mastered the concept of halal well. Still, awareness of choosing halal foods was also at a high percentage. Content analysis was conducted through three fiqh books to study non-Islamic cuisine according to the fiqh perspective. According to the study, it is permissible for a Muslim to eat non-Islamic foods, but they should comply with the concept of halal in Islam. Additionally, the results of this study are reinforced by the analysis of the general perception of Muslim youths about non-Islamic foods, which shows that young people are still considering the halal characteristics of foods and premises, even if non-Muslims cook them. This study recommends that young Muslims should choose foods that have a halal logo so as not to cause any future misconduct.

Keywords: Fiqh perspective, Knowledge of halal concepts, Muslim youth perception.

Abstrak

Penglibatan dalam sesebuah pemasaran atau perniagaan telah memberikan satu dorongan kepada syarikat-syarikat untuk mengagihkan komitmen terhadap sesuatu penghasilan produk makanan halal. Perkembangan mengenai industri halal Malaysia yang telah berjaya menembusi pasaran global terutamanya dalam sektor makanan halal telah memajukan nama Malaysia dengan menjadikannya negara yang dihormati dan disanjung. Malah ia juga menjadikan Malaysia destinasi pilihan untuk memperkembangkan perniagaan berkaitan barangan dan perkhidmatan halal. Justeru, banyak kekeliruan yang berlaku dalam penentuan halal dan haram sesuatu produk atau makanan yang dihasilkan oleh orang bukan islam. Kajian ini dijalankan untuk menganalisa tahap pengetahuan belia muslim terhadap makanan halal dan mengkaji status halal makanan yg disediakan oleh org bukan islam dari perspektif fiqh serta menganalisa tahap pengetahuan belia muslim terhadap makanan halal. Kajian tinjauan ini menggunakan pendekatan kajian campuran kuantitatif dan kualitatif. Kajian ini telah melibatkan seramai 253 orang responden dalam kalangan belia muslim di beberapa kawasan Kuala Lumpur bagi menjawab borang soal selidik. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 27. Hasil kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan konsep menunjukkan sebahagian besar belia muslim di Kuala Lumpur menguasai konsep halal dengan baik malah, kesedaran dalam pemilihan makanan halal juga berada pada peratusan yang tinggi. Manakala, bagi memenuhi objektif mengkaji masakan orang bukan islam menurut perspektif fiqh, kaedah analisa kandungan melalui tiga kitab fiqh telah dijalankan. Justeru, hasil kajian mendapati bahawa dibolehkan bagi seseorang muslim untuk makan masakan orang bukan islam tetapi ianya hendaklah memenuhi konsep halal dalam islam kecuali sembelihan mereka. Tambahan pula, hasil kajian ini diperkuatkan lagi dengan dapatan analisa persepsi umum belia muslim terhadap masakan orang bukan islam yang menunjukkan bahawa belia kini masih menitikberatkan ciri-ciri halal dalam makanan melalui masakan dan premis walaupun dimasak oleh orang bukan islam. Saranan kajian ini adalah diharapkan agar belia muslim hendaklah memilih makanan yang mempunyai logo halal supaya tidak menimbulkan sebarang kekeliruan di masa akan datang.

Kata kunci: Hukum, Pengetahuan konsep halal, Persepsi belia muslim.

PENGENALAN

Pengaplikasian barangan halal dalam kehidupan umat islam sangat penting sama ada dari segi makanan, pemakaian, peralatan dan sebagainya. Dalam konteks islam, perkara ini dipandang serius dan beberapa inisiatif telah dijalankan bagi menjaga kelangsungan produk halal. Antara inisiatif yang telah dijalankan oleh kerajaan adalah penggubalan akta dan undang-undang halal, melancarkan kempen kesedaran berkaitan halal, liputan media yang berkonsepkan halal di televisyen dan video serta internet. Malah, usaha dalam bentuk global juga telah dijalankan seperti Halal Festival (Halfest) dimana Malaysia dilihat mempunyai potensi pemasaran halal di peringkat antarabangsa. (Halfest, 2019). Usaha tersebut telah diperkemas lagi dengan penyeragaman pemakaian logo halal pada setiap produk atau makanan yang ingin dipasarkan. Penguatkuasaan logo ini memberi impak yang positif kepada pengedar untuk meningkatkan lagi pemasaran produk halal.

Di Malaysia, perkataan halal bukan sahaja menjadi milik mutlak etnik Melayu Muslim, malah semakin berkembang ke peringkat antarabangsa. Komuniti peniaga kebanyakan bukan Islam (Lokman Ab Rahman, 2019: 174) mula sedar akan kelebihan halal dan memohon supaya produk barangan mereka diberikan pengesahan halal walaupun secara amalannya di Malaysia ia masih bersifat sukarela. Penggunaan logo halal ini semakin berleluasa sehingga ianya boleh digunakan oleh orang bukan islam. Produk halal boleh dimakan dan digunakan oleh sesiapa sahaja termasuk bukan Islam. Ia adalah satu perintah Allah SWT sebagaimana yang telah dijelaskan di dalam al-Quran yang bermaksud: *“Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah langkah syaitan; Kerana sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagimu.”* (Surah al-Baqarah, 2: 168)

Justeru itu, satu sorotan dan penelitian perlu dibuat terhadap dua isu utama iaitu isu makan masakan orang bukan islam dan persepsi belia muslim terhadap masakan bukan islam. Hal ini Bukan sahaja melibatkan bahan yang digunakan, malah penyediaan makanan juga perlu diambil kira terutamanya yang melibatkan individu dalam penyediaan makanan tersebut. Tidak dinafikan terdapat beberapa restoran yang menggunakan khidmat warga asing dan bukan Islam bagi menjalankan tanggungjawab itu. Sudah tentu terdapat segelintir pihak yang meragui mengenai status halal terhadap makanan tersebut, malah, isu ini diperbesarkan lagi ketika berada di luar negara. Oleh itu, kajian ini juga akan membahaskan hukum dari perspektif fiqh berkaitan perkara berkenaan supaya pengguna muslim lebih yakin dalam mengeksplorasi makanan halal.

PERNYATAAN MASALAH

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pengkajian berkaitan pengetahuan konsep makanan halal telah dilakukan dalam skop yang kecil akan tetapi, sehingga kini, kajian yang berhubungkait berkaitan persepsi belia muslim terhadap masakan orang bukan islam masih belum ditemui. Justeru, ia merupakan ruang bagi pengkaji mengisi kelompongan ini.

Sehubungan itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang membuka ruang pengkaji bagi menjalankan kajian ini, antaranya adalah belia atau masyarakat muslim kini sering memandang enteng berkaitan perkara halal. (Ramli, 2020) Kuasa tular yang sering berlaku di media sosial menyebabkan ia mendapat perhatian sehingga ada pengguna sanggup beratur panjang bagi menikmati makanan yang tidak diketahui akan sumber halalnya. Ironinya, kedinamikan cita

rasa pengguna Melayu-Muslim kadangkala merentasi batasan halal dan haram yang digariskan syarak. Banyak premis makanan yang tidak mempunyai sijil halal tetapi mendapat tarikan kerana adanya media sosial amat membimbangkan.

Seterusnya, Ilmu pengetahuan berkaitan halal dan haram semakin lemah dalam kalangan pengguna Malaysia. (Aling, 2021) Kebanyakan daripada masyarakat hari ini yakin halal hanya berpandukan kepada pemakaian tudung sahaja. (Aling, 2021) Hal ini menjadi satu kebimbangan besar apabila pengesahan dibuat oleh masyarakat berdasarkan pemakaian tudung pekerja sesuatu premis makanan.

Sehubungan dengan itu, masyarakat muslim juga mempunyai masalah syubhah berkaitan memakan masakan yang dimasak oleh orang bukan islam. Jadi, dalam masalah syubhah ini, tidak menjadi kesalahan bagi seorang muslim untuk memakan makanan yang dimasak atau disediakan oleh bukan muslim dari susu, sayur-sayuran, buah-buahan dan segala macam jenis makanan yang lain kecuali sembelihan mereka. (Lumpur, 2017) Oleh itu, keraguan tersebut dapat ditolak apabila adanya keyakinan akan kehalalan dalam masakan orang bukan islam.. (Yazid, 2021)

Kajian ini mempunyai beberapa objektif utama. Pertama, untuk mengenalpasti pengetahuan belia Muslim mengenai konsep makanan halal. Kedua, untuk mengkaji status halal makanan yang disediakan oleh orang bukan Islam, dilihat dari perspektif fiqh. Ketiga, untuk menganalisis persepsi masyarakat terhadap status halal makanan yang disediakan oleh orang bukan Islam.

SOROTAN LITERATUR

Bahagian ini membincangkan beberapa bahagian yang melibatkan kajian lepas mengenai definisi halal, tahap kefahaman responden terhadap makanan halal, status halal dan haram makanan bagi individu muslim dan kepentingan pengaplikasian logo halal. Bahagian ini amat penting bagi mendapatkan idea-idea dan hasil kajian pengkaji terdahulu. Bab ini juga membincangkan secara menyeluruh mengenai pengetahuan halal.

Definisi Halal

Perkataan Halal adalah daripada kalimah Arab yang bermaksud dibenarkan atau dibolehkan. Oleh yang demikian sebahagian besar penggunaan perkataan halal adalah merujuk kepada makanan umat Islam seperti Firman Allah yang bermaksud:“Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu, dan bersyukurlah kepada Allah, jika betul kamu hanya beribadat kepadanya.” (QURAN, n.d.)

Oleh yang demikian, majoriti ulama bersepakat mengatakan bahawa asal setiap sesuatu perkara adalah harus atau halal selagi tiada nas yang nyata mengharamkannya. Ternyata Islam memberi kemudahan begitu luas kepada manusia dalam mengatur kehidupannya. Oleh itu, seseorang tidak boleh sama sekali mengatakan haram kepada yang halal. Begitu juga, menghalalkan kepada yang haram.

Prinsip dalam makanan halal adalah penting sebagai panduan umum dan mudah difahami terhadap konsep asas perundangan syariah, Dr. Yusuf al-Qardhawi menggariskan 11 perkara dalam bukunya al-Halal wa al-Haram fi al-Islam mengenai halal haram: (Qardhawi, 1985)

1. Penentuan halal-haram adalah hak mutlak Allah semata.

2. Mengharamkan yang halal dan sebaliknya merupakan kesyirikan
3. Perkara haram akan menimbulkan keburukan dan mudarat.
4. Setiap yang halal tidak memerlukan yang haram.
5. Perantara menuju keharaman adalah haram.
6. Bersiasat terhadap yang haram adalah haram.
7. Niat baik tidak menghalalkan yang haram.
8. Jauhilah syubhah agar tidak terjatuh dalam perkara haram.
9. Yang haram berlaku untuk semua orang.
10. Darurat membolehkan yang terlarang.

Oleh yang demikian, garis panduan tersebut hendaklah dijadikan sebagai panduan oleh semua umat Islam supaya dapat memudahkan mereka untuk memilih makanan yang halal dengan meneliti prinsip yang telah digariskan ini. Segala perkara yang halal sudah jelas, dan soal haram pun yang sudah jelas, sama sekali tidak ada rukhsah untuk mengerjakannya, selama masih dalam keadaan berkemampuan.

Dalam merentasi era kemajuan masa kini, bukan sahaja umat islam yang mampu mengeluarkan pelbagai produk makanan dimana ianya banyak disogokkan dengan unsur-unsur syubhat dalam penentuan sesuatu kehalalan keatas produk makanan tersebut. Oleh hal yang demikian, wajib bagi kita selaku umat islam memastikan akan keraguan dapat diatasi dalam pengambilan sesuatu produk makanan. Pengeluar juga perlu memainkan peranan dalam sentiasa memastikan segala prosedur dan peraturan halal yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa dipatuhi bagi mengelakkan syubhat.

Tinjauan Tentang Tahap Kesedaran Halal

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Noraishah P Othman (2021) menyatakan bahawa Industri halal di Malaysia berkembang pesat selaras dengan perkembangan dan kemajuan teknologi. Pelbagai café atau kedai makan, produk makanan segera, produk dalam bungkusan dan tin diperkenalkan dan dijual di kedai-kedai, pasaraya dan atas talian. Malahan kedai makan yang menonjolkan konsep hipster mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia tidak kira tua atau muda. Perkembangan ini mendatangkan keuntungan dan membantu dalam perkembangan ekonomi namun, apa yang membimbangkan adalah kepekaan dan kesedaran pengguna dalam memilih produk makanan yang selari dengan tuntutan syariat dan kehidupan. Setiap individu muslim itu bertanggungjawab tentang pengetahuan konsep sebenar kehalalan dalam islam kerana halal bukan melibatkan khinzir sahaja malah, penggunaan bahan-bahan terlarang, isu sembelihan juga perlu dibincangkan supaya ianya dapat difahami oleh masyarakat majmuk. Dalam kajian yang dibuat tentang konsep halal, hasil kajian menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi responden juga cakna akan kepentingan produk halal.

Kajian Tentang Hukum Makan Masakan Bukan Islam

Seterusnya, terdapat satu kajian yang dijalankan oleh Hendri Chandra (2019) tentang hukum makan masakan bukan islam bagi mengatasi masalah kekeliruan tentang masakan orang bukan islam. Beliau menerangkan bahawa status halal dan haram dalam makanan yang ingin

dimakan ditentukan oleh dua perkara. Kedua-duanya termasuk bahan dan kaedah dapatan makanan. Dalam Al-Quran, semua makanan adalah halal kecuali jika terdapat nas yang mengecualikan atau melarangnya dengan tegas. Sedangkan cara mendapat atau rezeki yang kita dapat menjadi syarat penting yang lain. Dalam contoh pengambilan makanan daripada orang bukan Islam, adalah dibenarkan selagimana bahan dalam makanan itu tidak dikelaskan bahan terlarang. Selain itu, proses pembuatan makanan juga mesti halal. Secara umumnya makanan halal-haram adalah yang diberikan oleh orang bukan Islam melibatkan dua perkara ini. Selebihnya, halal dan larangan makanan ini adalah umum dan tidak dipengaruhi sama ada sumbernya islam atau bukan islam.

Kajian Kepentingan Penggunaan Logo Halal

Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Razif Zaini & Rosfazila Abd. Rahman pada tahun 2019 menyatakan dalam kajian yang dibuat bahawa penggunaan logo halal adalah satu bentuk pembuktian bahawa produk yang ditawarkan oleh sesebuah organisasi telah disahkan melalui proses pengauditan dan pengesahan halal oleh pihak berkuasa pensijilan halal. Meskipun logo halal di Malaysia telah diselaraskan, namun bagi produk yang dikilangkan di luar Malaysia, sijil halal dikeluarkan oleh badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM di negara tersebut dengan pelbagai variasi logo halal yang masih menimbulkan kekeliruan kepada para pengguna terutama pengguna muslim. Kajian ini dijalankan dengan tujuan menghurai konsep pemakaian logo halal, mengenalpasti kesedaran pemilik premis makanan mempamer logo halal dan menilai tahap kebergantungan pengguna Muslim terhadap logo halal. Masyarakat muslim juga tidak seharusnya bergantung kepada logo ini semata-mata meskipun memberi manfaat yang besar kepada umat Islam di Malaysia khususnya dan implikasi yang sangat besar dalam industri halal di seluruh dunia amnya. Menurut pengkaji, pengguna muslim masih perlu mempersiapkan diri dengan ilmu dan pengetahuan berkaitan penentuan halal sesuatu makanan. (Rahman, 2020)

Tanggapan Terhadap Faktor Penentu Pemilihan Makanan Halal Dalam Kalangan Ibu Bapa Muslim

Menurut kajian Nur Riza Mohd Suradi, persepsi merupakan satu proses menyusun atau membuat tafsiran berdasarkan deria setiap individu sehingga memberi makna terhadap unsur-unsur sekeliling mereka. Ini bermaksud setiap individu akan melihat perkara yang sama secara fizikal dan masing-masing mempunyai tanggapan yang berbeza-beza terhadap perkara tersebut. Punca dan kecenderungan persepsi boleh dihasilkan berdasarkan faktor dalaman atau luaran (rujukan). Sebagai contoh, persepsi berkenaan kefahaman terhadap isu-isu yang pernah dilalui oleh individu merupakan faktor dalaman. Persepsi yang baik terhadap aspek-pemilihan makanan halal diperlukan bagi memastikan umat Islam mengambil produk makanan yang mematuhi Syariah. Dapatan kajian ini mendapati bahawa kerangka Teori Tindakan Beralasan (TTB) yang berfungsi untuk menerangkan tingkah laku seseorang individu terhadap tekanan sosial sesuai digunakan untuk mengkaji kecenderungan responden dalam memilih makanan halal. Semua faktor (kecuali faktor pemilikan) yang dipertimbangkan dalam kajian ini adalah peramal yang sesuai dalam menentukan niat responden untuk memilih makanan halal. Hasil kajian menunjukkan bahawa wujud kesan langsung dan tidak langsung di antara faktor tahap kefahaman dan persepsi terhadap pemilihan makanan halal dalam kalangan responden. Faktor logo halal dan jenama juga membantu dan memandu pemilihan makanan. Walau bagaimanapun, faktor pemilikan atau premis tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemilihan makanan halal.

Secara keseluruhan mengenai kajian lepas telah melaporkan bahawa tahap pengetahuan, isu makan masakan bukan islam, kesedaran muslim berkaitan halal serta persepsi

menunjukkan kebanyakan belia muslim masih cakna akan makanan yang diambil. Tambahan pula, kajian berkaitan hukum dapat menempis keraguan masyarakat berkaitan makan masakan bukan islam.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan campuran kualitatif dan kuantitatif untuk menjawab persoalan kajian. Kajian kuantitatif, berorientasi pada hasil dan menggunakan analisa statistik, diawali dengan tinjauan literatur untuk menghindari tumpang tindih topik. Kemudian, pengkaji melaksanakan survei rentas terhadap belia Muslim di beberapa kawasan Kuala Lumpur, menggunakan borang soal selidik yang telah diubah suai. Data yang dikumpulkan diproses secara kuantitatif. Paralel dengan itu, kajian kualitatif dilakukan, terfokus pada analisis kandungan hukum makanan menurut fiqh, dijelaskan melalui tiga kitab fiqh terpilih. Metode analisa tematik yang diadopsi dari Braun dan Clarke (2006) mengikuti enam langkah: membiasakan diri dengan data, menghasilkan kodifikasi awal, mencari tema, membuat sorotan tema, menamakan dan mendefinisikan tema, hingga menghasilkan laporan. Pendekatan ini memperkaya pemahaman subjektif dan interpretatif terkait topik kajian.

Populasi Dan Sampel Kajian

Sebelum berlakunya pembuatan sampel, pengkaji menentukan populasi yang ingin diselidiki. Dalam kajian ini, pengkaji memilih populasi belia muslim yang tinggal di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang meliputi 9 kawasan iaitu Setapak, Segambut, Wangsa Maju, Setiawangsa, Bandar Tun Razak, Bukit Bintang, Cheras, Taman Melati dan Seputeh. Pengkaji memilih kawasan sekitar Kuala Lumpur kerana kawasan tersebut merupakan ibu negara Malaysia yang menjadi tumpuan serta banyak pemprosesan masakan daripada orang bukan islam di kawasan tersebut. Oleh itu, pengkaji menggunakan pensampelan rawak berlapis dimana subkumpulan dalam populasi akan diwakili mengikut populasi terpilih. Sampel-sampel tersebut hendaklah mengikut sub kumpulan tertentu contohnya, jantina, bangsa, taraf pendidikan dan umur.

Instrumen Kajian

i. Soal Selidik

penyelidik membuat tinjauan menggunakan instrumen borang soal selidik (google form). Borang soal selidik ini telah diubah suai dari borang kajian yang bertajuk kesedaran makanan halal. Langkah-langkah yang dilakukan sepanjang pembinaan borang soal selidik sehingga mendapat hasil kajian ialah mengenalpasti konstruk, mengenalpasti item bagi setiap konstruk, memilih skala, menguji kesahan dan kebolehpercayaan soalan, melakukan kajian rintis, mentadbir soal selidik dengan baik dan menganalisis data soal selidik yang telah diperolehi.

Bagi menguji kebolehpercayaan soalan yang telah diubahsuai, selain merujuk kepada kajian lepas, kajian rintis juga telah dijalankan. Kajian rintis telah dijalankan kepada 30 orang belia muslim di Universiti Selangor. Secara keseluruhannya, bacaan Cronbach's Alpha adalah 0.913.

Instrumen kajian ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat berkaitan demografi responden. Bahagian B(i) pula mengandungi soalan berkaitan pengetahuan konsep tentang makanan halal dan diikuti dengan Bahagian B(ii) iaitu kesedaran

dalam pemilihan makanan halal. Seterusnya, persepsi belia muslim terhadap masakan orang bukan islam bagi Bahagian C(i) dan persepsi belia muslim terhadap premis orang bukan islam bagi bahagian C(ii). Soalan-soalan pada bahagian B(i), B(ii), C(i), C(ii) mengukur tahap persetujuan responden terhadap item-item yang telah dikenal pasti menggunakan skala Likert 1-5. Skala 1 mewakili “sangat tidak setuju” manakala skala 5 mewakili “sangat setuju”. Dalam kajian ini, sebanyak 253 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Soalan pada bahagian B telah diadaptasikan oleh pengkaji berdasarkan soal selidik Noraishah P Othman (2021). Manakala bagi set soalan bahagian C pula melalui pembinaan pengkaji sendiri.

Bagi mengenalpasti dapatan pendekatan kuantitatif, pengkaji menggunakan teknik analisa data secara deskriptif sebagai kaedah bagi menganalisis data kuantitatif dalam kajian ini. Setelah selesai data dikumpulkan, data tersebut akan disusun dan dianalisis dengan menggunakan perisian komputer iaitu *statistical package for social science (SPSS) version 27* bagi melihat min dan sisihan piawai sesuai dengan objektif kajian ini seperti yang disebutkan di atas.

ii. Analisa Tematik

Bagi pendekatan kualitatif pula mengikut data-data yang diperoleh daripada pembinaan tema. Dalam data bagi kaedah analisa tematik ini, penulis menumpukan kepada hukum makan masakan bukan islam. Dengan menggunakan perkataan (حكم اكل الطعام الكافر) dalam pangkalan data Maktabah Syamilah. Penggunaan pangkalan data Maktabah Syamilah memudahkan lagi dalam pencarian data. Pembinaan tema adalah seperti berikut:

Jadual 1: Semakan Tema

Kitab	Makanan yang tidak melibatkan penyembelihan	Makanan yang melibatkan penyembelihan bersyarat
<i>Mukhtasar Fi ahkam Assafar</i>	/	/
<i>Fatwa Syabkah Islamiyyah</i>	/	/
<i>Kitab Sohihaini</i>	/	/

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan analisa tematik yang dijalankan terhadap perbincangan-perbincangan kitab, penjelasan telah diklasifikasikan seperti berikut:

Jadual 2: Hasil carian dengan menggunakan kata kunci

“hukum makan masakan kafir”

Kitab	Kategori makanan	Penerangan
<i>Mukhtasar Fi ahkam Assafar</i>	- Sayur, buah-buahan atau barli. - Sembelihan	Dibolehkan bagi seseorang muslim memakan sayur, buah-buahan atau barli daripada orang bukan islam tetapi, sembelihan daging

		hendaklah daripada ahli kitab.
Fatwa Syabkah Islamiyyah	Semua masakan kecuali sembelihan	Semua masakan daripada orang bukan islam dibolehkan kecuali apabila ianya melibatkan sembelihan, hendaklah dipastikan bahawa sembelihan tersebut daripada ahli kitab.
Kitab Sohihaini	- Sembelihan ahli kitab - makanan laut, sayur-sayuran dan sejenisnya.	Dibenarkan bagi makanan laut, sayur-sayuran dan sejenisnya serta sembelihan daripada ahli kitab.

Dalam kitab sohihaini, Nabi SAW minum dari botol muslimah. Dan dalam hadis Jabir disebutkan: “Kami berperang bersama Rasulullah dan kami mendapat bejana dan peralatan minum mereka. Kami juga menggunakannya dan kami tidak tercela kerananya.” (HR. Ahmad, Abu Dawud. dishahihkan Al Albani). Ibnu Qudamah berkata dalam Al Mughni: “Rasulullah Shallallahu’alaihi Wasallam menerima undangan itu orang Yahudi makan roti dan ihalah sunkhah. Kerana najis orang kafir itu terletak di dalam hatinya, tidak menajiskan penampilannya sebagai hatinya” Manakala jika seseorang itu makan di restoran Jepun atau Cina di negara mereka, maka hukum memakannya mengikut status penyembelihan mereka. Dan penyembelihan (penyembah berhala) tidak boleh dimakan. Dan yang dibenarkan ialah terhad kepada jenis makanan yang dibenarkan, seperti makanan laut dan sayur-sayuran dan sejenisnya.

Manakala dalam kitab Mukhtasar Fi Ahkam Al-Safar karangan Fahd Ibn Yahya menyebutkan bahawa hukum makan masakan orang bukan islam ada tiga keadaan iaitu sayur, buah atau barli dibolehkan, haiwa-haiwan laut dan haiwan yang disembelih hendaklah daripada ahli kitab. Jika bukan ahli kitan seperti hindusi, majusi dan sebagainya maka ianya adalah haram dan tidak boleh dimakan oleh orang yang beragama islam. Manakala ijmak ulama pula mengatakan bahawa “*Sesungguhnya yang bukan daripada ahli kitab atau zhann atau syak maka ianya adalah haram*”.

Tambahan pula, dalam kitab Fatawa Syabkah Islamiyyah menyebutkan bahawa syarak tidak melarang untuk makan masakan bukan islam walaupun bukan daripada ahli kitab seperti solat menggunakan anyaman orang kafir. Jika daging yang hendak dimakan adalah daripada penyembelihan bukan ahli kitab, ianya tidak dibolehkan dan dilarang. Oleh itu, tiada larangan makan masakan orang bukan islam selagimana terdapat sayur-sayuran dan buah-buahan.

Memakan makanan bukan Islam adalah dibenarkan dan halal asalkan boleh dipastikan makanan itu bukan makanan najis atau najis. Jika ada orang bukan Islam memberikan makanan berupa nasi, mee segera, atau ikan, maka halal dimakan. Malah dalam kitab I'anatut Talibin ada menyebut, makanan yang halal asalnya tetapi ada dakwaan najis kerana ia dimasak oleh orang bukan Islam contohnya, maka ia masih dianggap suci dan halal untuk dimakan. Malah Ibn Salah berkata, makanan tetap ada dihukum suci sehingga nampak najis, bukan sekadar syak wasangka yang kuat. Jika sudah sudah nyata najis, haram memakannya, menurut hukum: “(Peraturannya) ialah apa-apa makanan yang suci asalnya dan disyaki najis kerananya umumnya makanan sebegini adalah najis, berikut dua pendapat yang diketahui umum ikut dua

peraturan asas. Tetapi mana yang jelas atau yang menang daripada dua pendapat itu adalah makanan yang dinilai suci." (Juriyanto, 2019) Bagi proses penyediaan makanan pula, beliau menggariskan, sekiranya makanan yang diberi adalah dalam bentuk daging, maka ia perlu dilihat dari pelbagai aspek. Beliau berkata, memetik beberapa pendapat ulama Islam, daging yang disembelih oleh bukan Islam yang beragama Yahudi dan Kristian dianggap halal bagi orang Islam. Kerana kedua-dua agama itu adalah agama ketuhanan. Sementara itu untuk kebanyakan ulama, katanya, tidak menjadikan sebutan nama Allah SWT sebagai syarat sah. Manakala selain agama Samawi, daging penyembelihan kadangkala disembelih dengan niat untuk mempersembahkannya kepada tuhan atau roh-roh yang lain. Lebih-lebih lagi, daging menjadi najis jika haiwan itu yang disembelih ditujukan kepada persembahan dan roh. Itu jelas menjadi haram, kerana dalam Islam ia sama dengan perbuatan syirik dan bersekutu dengan Allah SWT.

ANALISA DATA KAJIAN

Analisis data dilakukan untuk menyusun data dalam bentuk kaedah yang mudah difahami. Untuk menentukan tahap pengetahuan tentang konsep, kesedaran, persepsi belia muslim terhadap masakan orang bukan islam serta persepsi belia muslim terhadap premis orang bukan islam. Statistik deskriptif digunakan bagi melihat min dan sisihan piawaian.

Analisa Data Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 253 orang responden di sekitar kawasan Kuala Lumpur dengan pelbagai latar belakang seperti jantina, daerah permastautinan, umur, status perkahwinan, taraf pendidikan dan kaum. Profil demografi kajian tersebut seperti berikut:

Jadual 3: Profil demografi kajian

Demografi		Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	119	47.0
	Perempuan	133	52.6
Daerah permastautinan	Setapak	68	26.9
	Segambut	19	7.5
	Wangsa Maju	24	9.5
	Setiawangsa	24	9.5
	Bandar Tun Razak	20	7.9
	Bukit Bintang	27	10.7
	Cheras	20	7.9
	Seputeh	20	7.9
	Taman Melati	29	11.5
Umur	15-18 Tahun	79	31.2
	19-24 Tahun	84	33.2
	25-30 Tahun	46	18.2

	31-40 Tahun	44	17.4
Status Perkahwinan	Bujang	172	68.0
	Berkahwin	71	28.1
	Duda	3	1.2
	Janda	5	2.0
	Lain-lain	1	0.4
Taraf Pendidikan	Sekolah menengah	97	38.3
	Diploma	68	26.9
	Ijazah Sarjana Muda	75	29.6
	Ijazah Sarjana	9	3.6
	PHD	2	0.8
	Pondok	1	0.4
Kaum	Melayu	221	87.4
	Cina	3	1.2
	India	1	0.4
	Bumiputera Sabah	18	7.1
	Bumiputera Sarawak	9	3.6

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan dapatan kajian

Jadual 3 menunjukkan berdasarkan jantina seramai 133 orang (52.6%) responden perempuan dan seramai 119 orang (47.0%) responden lelaki. Mengikut daerah permastautinan pula, menunjukkan seramai 68 orang responden (28.6%) menetap di kawasan setapak, seramai 19 orang responden segambut (7.5%), Wangsa Maju dan Setiawangsa masing-masing 24 orang responden (9.5%), Bandar Tun Razak, Cheras dan Seputeh seramai 20 orang responden (7.9%) serta diikuti dengan Bukit Bintang 27 orang responden (10.7%) dan Taman Melati seramai 29 orang responden (11.5%). Seterusnya, Menurut data analisa, didapati bahawa kebanyakan daripada responden berada dalam lingkungan umur antara 19-24 tahun iaitu seramai 84 responden mewakili (33.2%) diikuti dengan lingkungan umur 15-18 tahun seramai 71 responden dengan peratusan (31.2%) dan data paling rendah adalah daripada umur 31-40 tahun dengan peratusan (17.4%). Diikuti dengan demografi bagi status perkahwinan responden mendapati bahawa daripada 253 orang responden, hampir 70 peratus daripada responden berstatus bujang dengan frekuensi 172 responden. Seterusnya, diikuti dengan status responden yang sudah berkahwin iaitu seramai 71 responden dengan mewakili (28.1%) manakala duda seramai 3 orang responden (1.2%) dan janda seramai 5 orang responden (2.0%). Sehubungan dengan itu, bagi demografi taraf pendidikan, sekolah menengah mencatat responden paling ramai iaitu seramai 97 responden (38.3%) dan diikuti dengan ijazah sarjana muda dengan peratusan (29.6%), diploma seramai 68 orang (26.9%) serta Ijazah Sarjana seramai 9 orang responden (3.6%) dan PHD 2 seramai orang responden(0.8%) manakala bagi frekuensi paling rendah adalah daripada institusi pondok dengan peratusan (0.4%). Justeru, Demografi terakhir

bagi bahagian ini adalah demografi kaum dimana didapati bahawa kaum melayu mewakili jumlah tertinggi dengan 221 responden mewakili hampir 90 peratus (87.4%) diikuti dengan Bumiputera Sabah iaitu seramai 18 responden (7.1%), kaum cina seramai 3 orang responden (1.2%) dan Bumiputera Sarawak seramai 9 orang responden (7.1 %) serta data yang paling rendah adalah daripada kaum India (0.4%).

Analisa Tentang Pengetahuan Konsep Belia Muslim Terhadap Makanan Halal

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tahap pengetahuan serta tahap kesedaran belia muslim terhadap makanan halal.

Jadual 4: Pengetahuan Konsep Belia Muslim

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya faham tentang konsep makanan halal dan haram dalam islam	4.78	0.444	Tinggi
2.	Makanan yang halal dihasilkan daripada bahan yang suci, bersih dan berkualiti	4.71	0.478	Tinggi
3.	Hukum makan makanan yang halal adalah wajib	4.67	0.496	Tinggi
4.	Bukan semua produk makanan muslim diyakini halal	4.19	0.621	Tinggi
5.	Haram dalam makanan tidak hanya melibatkan khinzir dan arak sahaja	4.40	0.722	Tinggi
6.	Konsep halal dan haram dalam islam tidak hanya melibatkan makanan sahaja	4.52	0.652	Tinggi
	Skor Purata	4.54	0.35379	Tinggi

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan dapatan kajian.

Berdasarkan jadual di atas, min tertinggi pada tahap pengetahuan konsep makanan halal adalah pada item pertama, iaitu “Saya faham tentang konsep makanan halal dan haram dalam islam” dengan min sebanyak 4.78 dengan sisihan piawai 0.444. Data ini bermaksud bahawa majoriti belia muslim memahami tentang konsep makanan halal. Bagi min terendah pula adalah pada item ke 4 iaitu “Bukan semua produk makanan muslim diyakini halal” dengan min 4.19 dan sisihan piawai 0.621. Data ini pula bermaksud bahawa terdapat sesetengah belia yang bersetuju bahawa semua produk muslim diyakini halal dan sebahagian yang lain tidak bersetuju atau kurang setuju dengan pernyataan tersebut. Daripada dapatan yang diperoleh keseluruhan dapatan tentang tahap pengetahuan belia muslim terhadap makanan halal adalah berada pada tahap yang tinggi, iaitu dengan jumlah min sebanyak 4.54 dengan sisihan piawai 0.353. Oleh hal yang demikian, dari dapatan tersebut dapat dilihat bahawa kebanyakan belia muslim mendapat pendedahan atau pengetahuan yang tinggi berkaitan konsep makanan halal.

Analisa Tentang Belia Muslim Kesedaran Kepentingan Pemilihan Makanan Halal

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tentang tahap kesedaran belia muslim dalam pemilihan makanan halal.

Jadual 5: kesedaran kepentingan pemilihan makanan halal

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Jika terdapat keraguan terhadap sesuatu makanan, saya terus mendapatkan maklumatnya di internet	4.63	0.602	Tinggi
2.	Saya selalu meneliti bahan yang digunakan dalam penghasilan makanan	4.63	0.621	Tinggi
3.	Makan makanan halal adalah pilihan setiap individu muslim.	4.56	0.737	Tinggi
4.	Saya sangat mengambil berat tentang kehalalan sesuatu makanan	4.74	0.473	Tinggi
5.	Saya cenderung untuk meninggalkan makanan tersebut jika saya berasa ragu.	4.71	0.526	Tinggi
	Skor Purata	4.65	0.438	Tinggi

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan dapatan kajian.

Jadual di atas menunjukkan skor min pada tiap tiap item tentang tahap kesedaran belia muslim terhadap pemilihan makanan halal. Berdasarkan jadual di atas, min tertinggi bagi tahap kesedaran pemilihan makanan halal adalah pada item ke 4 iaitu “Saya sangat mengambil berat tentang kehalalan sesuatu makanan” dengan min sebanyak 4.74 dengan sisihan piawai 0.473. Bagi min terendah adalah pada item ke 3 iaitu “Makan makanan halal adalah pilihan individu muslim” dengan min hanya 4.56 dan sisihan piawai 0.737. Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat belia muslim yang beranggapan bahawa makan makanan halal merupakan bukan pilihan masing-masing. Dari dapatan yang diperolehi, tahap kesedaran pemilihan makanan halal berada pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu dengan jumlah skor purata 4.65 dengan sisihan piawai 0.438. Hal ini bermakna, belia muslim masih mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam pemilihan produk makanan halal.

Analisa Tentang Persepsi Belia Muslim Terhadap Masakan Orang Bukan Islam

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tentang persepsi belia muslim terhadap masakan orang bukan islam.

Jadual 6: Persepsi Belia Muslim Terhadap Masakan Bukan Islam

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
-------------	-------------	------------	-----------------------	---------------------

1	Saya suka makan masakan orang bukan islam selagimana ianya bersih,selamat dan tidak memudaratkan kesihatan.	4.62	0.630	Tinggi
2.	Masakan yang dihasilkan oleh orang bukan islam perlu mendapatkan pensijilan halal.	4.75	0.504	Tinggi
3.	Bukan semua masakan yang dimasak oleh orang islam pasti halal.	4.26	0.688	Tinggi
4.	Saya yakin dengan masakan orang bukan islam yang melibatkan sayur-sayuran sahaja.	4.32	0.670	Tinggi
5.	Saya lebih selesa makan masakan orang bukan islam selagimana ianya tidak bercampur dengan bahan yang dilarang syarak	4.41	0.671	Tinggi
	Skor Purata	4.46	0.424	Tinggi

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan dapatan kajian

Jadual 6 menunjukkan skor min pada tiap tiap item tentang persepsi belia muslim terhadap masakan orang bukan islam. Berdasarkan jadual di atas, min tertinggi bagi persepsi tentang masakan orang bukan islam adalah pada item yang kedua iaitu “Masakan yang dihasilkan oleh orang bukan islam perlu mendapatkan pensijilan halal” menunjukkan rata-rata belia muslim sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. dengan min sebanyak 4.75 dengan sisihan piawai 0.504. Sebaliknya, bagi min terendah pula adalah pada item ke 3 iaitu “Bukan semua masakan yang dimasak oleh orang islam pasti halal” dengan min hanya 4.26 dengan sisihan piawai 0.688. Dari dapatan yang diperoleh, persepsi belia muslim terhadap masakan orang bukan islam keseluruhannya pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu dengan jumlah skor purata 4.46 dengan sisihan piawai 0.424.

Analisa Tentang Persepsi Belia Muslim Terhadap Premis Orang Bukan Islam

Bahagian ini membincangkan dapatan statistik deskriptif tentang persepsi belia muslim terhadap premis orang bukan islam.

Jadual 7: Persepsi Belia Muslim Terhadap Premis Orang Bukan Islam

Bil.	Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya makan di restoran orang bukan Islam yang ada logo halal.	4.67	0.612	Tinggi
2.	Saya yakin terhadap premis halal yang dimasak oleh orang bukan islam	4.51	0.634	Tinggi

3.	Saya ragu makan di premis yang ada logo “no-pork” dan “no-alcohol”	4.51	0.634	Tinggi
4.	Premis yang mempunyai status vegetarian food tidak semestinya halal.	4.19	0.715	Tinggi
5.	Saya ragu makan di premis masakan orang bukan islam kerana ramai orang islam di dalamnya.	4.31	0.698	Tinggi
	Skor Purata	4.42	0.464	Tinggi

Sumber: Olahan penyelidik berdasarkan dapatan kajian

Jadual 7 di atas menunjukkan skor min pada tiap tiap item tentang persepsi belia muslim terhadap premis orang bukan islam. Berdasarkan jadual di atas, min tertinggi bagi persepsi berkaitan premis orang bukan islam adalah pada item pertama iaitu “Saya makan di restoran orang bukan Islam yang ada logo halal.” dengan min sebanyak 4.67 dengan sisihan piawai 0.612. Sebaliknya, bagi min terendah pula adalah pada item ke 4 iaitu “Premis yang mempunyai status vegetarian food adalah halal” dengan min hanya 4.19 dengan sisihan piawai 0.715 Walaupun mendapat min terendah tetapi ianya masih berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Dari dapatan yang diperoleh, persepsi belia muslim terhadap premis orang bukan islam keseluruhannya pada tahap interpretasi yang tinggi iaitu dengan jumlah skor purata 4.42 dengan sisihan piawai 0.464.

Analisa Persepsi Umum Terhadap Persepsi Masakan Dan Premis

Jadual 8: Analisa Persepsi Umum

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Persepsi terhadap masakan	4.469	0.424	Tinggi
Persepsi terhadap premis	4.420	0.464	Tinggi
Persepsi Umum	4.445	0.386	Tinggi

Jadual 8 mendapati bahawa belia muslim lebih cenderung untukmenitikberatkan bahan masakan atau cara masakan yang digunakan oleh orang bukan islam.Persepsi terhadap masakan memperolehi min tertinggi dengan 4.469 diikuti dengan sisihan piawai 0.424. Manakala persepsi terhadap premis juga berada pada in yang tinggi dimana belia muslim juga bersetuju bahawa faktor premis yang mempunyai logo halal membuatkan pengguna muslim tertarik untuk makan masakan bukan islam iaitu dengan min 4.420 dan sisihan piawai 0.464. Secara keseluruhannya, satu persepsi umum yang tinggi telah dicatatkan melalui data dengan min 4.445 dan sisihan piawai 0.386 menunjukkan bahawa belia muslim masih mempunyai ketelitian dalam makan sesuatu makanan halal.

PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam perbincangan ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian berdasarkan persoalan kajian yang telah dijalankan.

Pengetahuan konsep belia muslim terhadap makanan halal

Penilaian terhadap kefahaman serta pengetahuan belia muslim terhadap konsep makanan halal ini juga dapat dikaitkan dengan kesedaran dalam pemilihan makanan halal. Melalui kefahaman tentang konsep ini, belia muslim yakin bahawa makanan halal merupakan makanan yang suci, bersih dan berkualiti. Justeru, dengan adanya soalan berkaitan kesedaran, ianya dapat mengukuhkan lagi bahawa belia muslim kini masih faham dan menitikberatkan perkara yang berkaitan dengan kehalalan sesuatu produk atau makanan harian mereka. Nilai min dan sisihan piawaian bagi kedua-dua konstruk berada pada interpretasi tinggi.

Justeru, kajian ini juga selari dengan kajian Noraishah P Othman pada tahun 2021 yang menyatakan bahawa setiap individu muslim itu bertanggungjawab tentang pengetahuan konsep sebenar kehalalan dalam islam kerana halal bukan melibatkan khinzir sahaja malah, penggunaan bahan-bahan terlarang, isu sembelihan juga perlu dibincangkan supaya ianya dapat difahami oleh masyarakat majmuk. Dapatan kajian ini mendapati bahawa tahap kesedaran dan kefahaman mahasiswa uitm Johor berada pada tahap yang tinggi. Oleh itu, dapat dilihat bahawa belia muslim kini masih sedar akan kewajipan dalam pengambilan sesuatu produk makanan halal.

Status Halal Makanan Yang Disediakan Oleh Orang Bukan Islam Dari Perspektif Fiqh

Dalam penentuan status halal terhadap makanan yang disediakan oleh orang bukan islam, terdapat 3 kitab dengan menggunakan pangkalan data maktabah syamilah bagi mendapatkan maklumat berkaitan perkara tersebut. Dalam kitab mukhtasar fi ahkam assafar, makanan yang boleh dimakan tetapi yang tidak melibatkan penyembelihan hanya sayur, buah-buahan atau barli sahaja dan hanya penyembelihan daripada ahli kitab sahaja dibenarkan. Seterusnya, bagi kitab fatawa syabkiah islamiyyah, membenarkan semua masakan kecuali sembelihan. Sehubungan dengan itu, bagi kitab yang ketiga iaitu kitab sohihaini menyatakan bahawa seseorang muslim itu, dibolehkan untuk makan makanan laut, sayur-sayuran dan sejenisnya serta dibenarkan penyembelihan melalui ahli kitab sahaja.

Justeru, dapat dilihat bahawa kajian ini selari dengan kajian Hendri Candra pada tahun 2019 dimana kebenaran untuk makan masakan orang bukan islam adalah dibenarkan jika proses pembuatan makanan juga halal dan tiada pengkelasan bahan terlarang.

Persepsi Umum Belia Muslim Terhadap Status Halal Masakan Yang Dimasak Oleh Orang Bukan Islam

Penilaian terhadap persepsi bagi masakan dan premis kedua-duanya menunjukkan bahawa belia muslim setuju bahawa faktor masakan dan premis menjadi faktor utama dalam pencarian sesuatu makanan yang dimasak oleh orang bukan islam. Bagi masakan, belia muslim bersetuju bahawa belia muslim akan makan masakan daripada orang bukan islam selagi mana ianya bersih, suci dan tidak memudaratkan manusia. Seterusnya, bagi faktor premis pula, belia muslim bersetuju bahawa perletakan logo halal yang telah disahkan oleh JAKIM membolehkan suatu keyakinan kepada mereka untuk makan masakan orang bukan islam.

Oleh itu, disini dapat dilihat bahawa kedua-dua faktor tersebut mempengaruhi tingkahlaku manusia terhadap kualiti dalam perkhidmatan. Sehubungan dengan itu, hasil kedua-dua persepsi berada pada tahap yang tinggi.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Daripada hasil kajian dapat dilihat bahawa status halal dan haram dalam makanan ditentukan oleh dua perkara. Kedua-duanya termasuk bahan dan kaedah pemprosesan bahan mentah. Dalam Al-Quran, semua makanan adalah halal kecuali jika terdapat nas yang mengecualikan atau melarangnya dengan tegas bahan. Dalam contoh pengambilan makanan daripada orang bukan Islam, adalah dibenarkan selagi mana bahan dalam makanan itu tidak dikelaskan sebagai bahan terlarang. Selain itu, proses pembuatan makanan juga mesti halal. Larangan makanan ini adalah umum dan tidak dipengaruhi sama ada sumbernya Islam atau bukan Islam. Justeru, kajian ini diperkuatkan lagi dengan analisa data pengetahuan konsep dimana belia kini sangat memahami konsep makanan halal bahkan mereka juga mempunyai kesedaran yang tinggi dalam pemilihan makanan halal. Tambahan pula, persepsi terhadap premis dan masakan mendapat nilai data yang tinggi menunjukkan belia muslim mempunyai tahap kecaknaan yang tinggi terhadap kriteria-kriteria premis dan masakan halal walaupun ianya dimasak oleh orang bukan islam. Hal ini menunjukkan kecaknaan belia kini dalam mencari makanan halal.

Justeru itu, beberapa cadangan kajian yang dapat dikemukakan agar dapat menambah lagi dapatan dari kajian yang sedia ada. Pertama, pada kajian akan datang, diharapkan pengkaji dapat melakukan kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya agar hukum terhadap makan masakan bukan dihurai dengan lebih meluas lagi. Selian itu, pengkaji juga berharap agar kajian ini diperkembangkan lagi di daerah, negeri atau kawasan yang lain.

SUMBANGAN KAJIAN

Kajian ini diharapkan dapat membantu khususnya masyarakat muslim berkaitan kemusykilan mereka untuk memakan makanan daripada masakan bukan islam ianya sekaligus dapat membina keyakinan masyarakat muslim berkaitan sesuatu makanan yang telah mempunyai logo halal tetapi menggunakan air tangan orang bukan islam. Kajian ini juga penting bagi memperkasakan lagi pengetahuan belia berkaitan makanan halal.

Kajian ini bukan sahaja dikhususkan untuk pengetahuan muslim sahaja malah, untuk orang bukan islam yang hendak mengembangkan industri halal, mereka juga dapat mengambil sedikit input daripada kajian ini. Contohnya seperti masakan yang dimasak oleh orang bukan islam perlu mendapat pensijilan halal supaya pengguna yang beragama islam yakin akan kehalalan sesuatu makanan tersebut.

Justeru, kajian ini juga diharapkan agar dapat memberi sumbangan intelektual kepada institusi serta membantu ruang kajian seterusnya terhadap isu-isu yang akan datang supaya bidang halal ini lebih diterokai kearah penambahbaikan.

RUJUKAN

- Aling. (n.d.). Consumers are still weak on the halal issue. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/03/682600/pengguna-masih-lemah-isu-halal>.
- Fraser, J. (2018). Pilot testing for feasibility in a study of student and attrition in online undergraduate programs. *International Review of Learning*.
- Hendri, C. (2020). Tinjauan hukum Islam terhadap makan di tempat non muslim dan memakan makanan yang dimasak oleh non muslim. *Jurnal Azzawajir*, 2 (2) <https://doi.org/10.57113/jaz.v3i1>
- Hamdan (2022). Youth can drive the nation's halal industry. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/02/923984/prosumer-belia-mampu-pacu-industrihalal-negara>
- JAKIM. (2021, January 28). *Halal Food Festival*. <http://www.halfest.com/malaysia/>
- Mohd Anuar Ramli. (2020, September 18). Jangan ambil mudah status halal produk makanan. <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/09/732549/jangan-ambil-mudah-status-halal-produk-makanan>
- Mufti.(2017). Hukum memakan makanan yang dimasak oleh non-muslim (bukan Ahli Kitab). <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/961-al-kafi-564-hukum-memakan-makanan-yang-dimasak-oleh-non-muslim-bukan-ahli-kitab>